

DATE: 29/10/2009

## Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang

Oleh WAN NORAZAH WAN CHIK, HATA WAHARI, ROHANI IBRAHIM, SHAMSIAH ZULKAFI dan MOHD. AINUDDIN ALIFF SALEHUDEN

UM - 29/10/09

### Jangan terlalu berharap kepada Obama

KUALA LUMPUR 28 Okt. – Bekas calon Presiden Amerika Syarikat (AS), Cynthia McKinney berkata, dunia tidak seharusnya bergantung dan menaruh harapan tinggi kepada Presiden Barack Obama dalam usaha mengamankan dunia.

Katanya, sejak mengambil alih pentadbiran daripada George W. Bush, banyak tindakan Obama yang menyimpang daripada apa yang dijanjikannya dahulu.

Menurut McKinney, tindakan Obama meluluskan penghantaran lebih ramai anggota tentera ke Afghanistan berbeza daripada apa yang diikrarkannya.

“Beliau mahu lebih ramai askar AS di sana atas alasan mengawal keamanan dan melatih tentera Afghanistan.”

“Oleh itu, apa yang dijanjikan Obama masih belum dilaksanakan. Jadi sukar untuk meletakkan harapan kepadanya,” tegasnya.

Beliau berkata demikian sewaktu sesi mengenai *Melanggar Undang-Undang Antarabangsa* pada Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Kata McKinney, Obama juga telah mengarahkan pegawai-pegawainya

ditempatkan di semua mahkamah AS bagi mempertahankan apa yang telah dilakukan oleh pentadbiran Bush sebelum ini.

Tindakan itu katanya, menunjukkan Obama tidak seperti apa yang diharapkan oleh penduduk AS dan masyarakat dunia.

Sementara itu, bekas Duta India, Gajendra Singh ketika membentangkan pendapatnya berkata, beliau tidak melihat institusi-institusi antarabangsa seperti PBB dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menjalankan tugas dengan betul.

“Institusi-institusi ini sepatutnya

berperanan menguruskan masalah dunia termasuk isu keamanan, kemanusiaan dan maruah namun kita tidak nampak fungsi mereka,” katanya.

Menggunakan analogi haiwan terpaksa membunuh spesies lain untuk terus hidup, Gajendra berkata, tindakan itu kini turut dipraktikkan di kalangan manusia kerana sanggup membunuh sesama sendiri.

Beliau turut mempersoalkan pemikiran intelektual masyarakat dunia kini di mana penyatuan antarabangsa tidak dapat dilaksanakan seperti yang pernah dilakukan Nabi Muhammad SAW.



CYNTHIA MCKINNEY